

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. DATUK MADIUS TANGAU**  
**KAWASAN : TUARAN**

**SOALAN:**

**YB. DATUK MADIUS TANGAU (TUARAN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan pembinaan naik taraf Jalan Bulatan Berungis ke Bulatan Mengkabong dan ke Pekan Tuaran di kawasan Parlimen Tuaran.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek menaik taraf Jalan Bulatan Berungis ke Bulatan Mengkabong dan ke Pekan Tuaran, Sabah telah dipohon untuk kelulusan Agensi Pusat dalam Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10. Skop projek ini melibatkan naik taraf jalan sedia ada (2 lorong 2 hala) kepada laluan 4 lorong 2 hala sepanjang 3.7km mengikut rekabentuk piawaian JKR U5. Anggaran kos projek tersebut ialah sebanyak RM45 juta. Pelaksanaan fizikal projek berkenaan akan dimulakan setelah kementerian ini menerima kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK MADIUS TANGAU  
DARIPADA [ TUARAN ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mempercepatkan perpindahan kampus IPG Kent ke kampus baru di Bakut, Tuaran.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pembinaan kampus baharu IPG Kampus Kent dalam RMK Ke-9 adalah terdiri daripada dua (2) fasa iaitu Fasa Infrastruktur dan Fasa Bangunan. Fasa Infrasturuktur yang bermula pada 22 Mei 2009 telahpun siap pada 21 November 2009.

Fasa 1 Bangunan yang bermula pada 11 November 2009 merangkumi kemudahan seperti blok akademik (Blok Kuliah dan Blok Sains), Blok Kemahiran Hidup, Blok Asrama bagi kapasiti 322 pelajar, Pusat Sumber, Pusat Pelajar, 2 unit Dewan Kuliah, Dewan Serbaguna dan Dewan Makan serta Pondok Pengawal Keselamatan, kini hampir selesai di mana pihak kontraktor sedang dalam proses menyiapkan kerja-kerja membaiki kecacatan bangunan, sebelum diserahkan kepada pihak

KPM. Manakala, Fasa 2 Bangunan masih menunggu kelulusan daripada Unit Perancangan Ekonomi, JPM (EPU).

Oleh itu, IPG Kampus Kent tidak dapat berpindah ke kampus baharu dalam masa yang terdekat ini kerana pengoperasian tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya memandangkan Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran IPG serta sebahagian program akademik perlu beroperasi di tapak kampus asal bagi memenuhi syarat yang ditetapkan pihak MQA.